

# Muhammad Rasul Allāh *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam*

## Pencinta Kemerdekaan Sejati Pembawa Rahmat bagi Seluruh Manusia

Seperti biasa, pada bulan *Rabī‘ al-Awwal* yang berbahagia ini, umat Islam yang berjumlah lima ratus juta lebih di seluruh dunia, merayakan hari zahirnya junjungan kita Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam* dengan sambutan yang sebenar-benarnya, dari kanak-kanak sekolah membawa kepada orang-orang dewasa, dari orang-orang awam membawa kepada alim ulama dan orang-orang besar negara.

Syaran-syaran yang menjadi makanan roh kerana memperingati jasa junjungan yang telah diutuskan oleh Allāh ‘Azza wa Jalla untuk memimpin dan membina tamadun dunia yang cemerlang adalah dihamburkan oleh pensyarah-pensyarah di majlis-majlis dan di corong-corong radio seantero timur dan barat.

(Oleh: Abdullah Basmeih)

### Menentang Penindasan

Sejarah telah menceritakan bahawa masyarakat dunia dalam kurun Masihi yang keenam terlalulah buruknya. Rom dan Parsi dua buah kerajaan dunia yang besar pada masa itu sedang bermaharajalela. Rakyat jelata ditindas dengan kejamnya dan perangsaan sentiasa marak diantara kedua buah kerajaan itu membakar harta benda dan jiwa manusia dengan banyaknya.

Keadaan agama dan iktikad pegangan lebih buruk lagi.

dan dengan belas kasihnya kepada penduduk dunia, Junjungan kita Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam* telah diutus menjadi pemimpin agung yang membawa rahmat dalam masa yang terlalu gelap itu, memandu manusia ke arah pembentukan suatu masyarakat yang berbahagia dan aman teratur, ke arah nur yang terang benderang dan indah cemerlang - iaitu agama islam!

Dengan rosaknya iktikad dan ibadah maka rosaklah pula akhlak dan adat resam yang tertib sopan.

### Rahmah untuk seluruh dunia

Inilah hikmahnya, dengan limpah kurnia Allah ‘Azza wa Jalla

### Berkorban dan menderita

Sebagai seorang pemimpin yang bertanggung jawab, junjungan kita *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam* telah menderita dengan sepahit-pahitnya. Bukan sahaja dikata nista dan dicerca oleh kaum jahiliah bahkan telah dilempar dengan batu sehingga meleleh darahnya.

Semuanya itu telah diterima oleh junjungan kita

#### Memikat hati dengan akhlaknya yang mulia

dengan lapang dada sambil bermohon kepada Allāh 'Azza wa Jalla mudah-mudahan mereka mendapat hidayah. Sabdanya (yang bermaksud):

"Ya tuhanku tunjukkanlah kaumku,


Ya tuhanku ampunkanlah kaumku: Sesungguhnya mereka tidak mengetahui."

Makin Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa sallam* menerima angkara kaum jahiliah makin Baginda bertambah cekal dan bertambah kuat azamnya, sambil berserah dan berdoa ke hadrat Ilahi, (maksudnya):


"Tuhanku, kepada Engkaulah aku mengadu akan kelemahan tenaga dan kekurangan daya upayaku . . . "

Sifat lapang dada terhadap lawannya adalah menjadi

sifat Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa sallam* yang telah sebat. Bukan sahaja ketika Baginda masih berkeadaan lemah dan belum banyak pengikutnya, bahkan dalam masa Baginda menduduki kemuncak kejayaan. Tatkala agama Islam tersiar dan mendapat kedudukan yang kukuh di Madinah, lalu Baginda menguasai negeri Mekah dengan tenteranya yang berjumlah sepuluh ribu orang, maka dengan kebijaksanaannya Tanah Suci itu telah dapat dipelihara daripada pertumpahan darah, bahkan sekalian kaum jahiliah yang telah menyerang Baginda dengan kata nista dan kekejaman yang ganas telah dimaafkan sehingga mereka rujuk kepada



Suatu pemandangan yang indah dalam Masjid Nabi Muhammad Rasulullah *sallā Allāh 'alayhi wa 'ālihi wa sallam* di Madinah al-Munawwarah.



jelata.

Sepanjang-pangjang sejarah hidupnya, tidak pernah

Baginda bersikap seperti diktator, kerana sikap

bermajarajalela itu akibatnya membawa kehancuran.

### **Menegakkan kalimah tauhid**

### **dan meranapkan segala penjajahan**

Apakah perkara yang diserukan oleh Rasullullah?

Tidakkah Baginda menyeru kepada kemerdekaan yang

sejati, yang tidak berperenggan dan bersempadan?

Tidakkah Baginda membebaskan manusia daripada terikat

dengan sebarang ibadah kecuali beribadah kepada Allah yang

Maha Esa?

Dihadapan Allah yang Maha Esa , tiap-tiap seorang akan

ditanya apakah amal baik dan amal jahat yang telah dikerjakan.

Hanya amal yang baik jualah yang akan membelanya.

Kemerdekaan yang manakah lagi yang lebih luas dan

meliputi daripada kemerdekaan yang diserukan oleh junjungan

kita Nabi Muhammad *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam* itu?

Kemerdekaan agama, bangsa dan tanah air telah

dibuktikan oleh Rasulullah dengan kesan-kesan yang nyata.

Penjajah-penjajah Rom dan Parsi telah dihancurkan dan

disapu bersih dari Semenanjung Arab, tanah air Islam

yang telah memancarkan Islam ke seluruh dunia. Dengan itu

tegaklah negara Islam dan terbentuklah umat Islam yang

menjadi sebaik-baik umat yang telah zahir dalam masyarakat

manusia.

Malangnya kemerdekaan yang tulen ini, yang telah membentuk

umat Islam menjadi khalifah di bumi, telah dijual dengan

**“al-Qubbatu al-khadrā’ ” (kubah hijau) dan menaranya yang menjulang ke langit dengan indahnya, menjadi lambang yang utama bagi Masjid Rasulullah *sallā Allāh ‘alayhi wa ‘alīhi wa sallam* di Madinah al-Munawwarah.**

kebenaran lalu memeluk Islam lepas sepasuk,

sepasuk pula.

Rasulullah *sallā Allāh ‘alayhi wa sallam* bukan sahaja

seorang utusan Tuhan yang telah menyampaikan agama Islam

kepada penduduk dunia sebagai “peraturan hidup” yang

lengkap untuk ibadah dan untuk pemerintahan negara,

bahkan juga Baginda seorang pahlawan yang gagah berani,

seorang tokoh siasah yang pintar, seorang pensyarah

yang petah menawan hati, seorang pengajur yang bijaksana,

yang menghormati fikiran sahabat handai dan rakyat

murah oleh setengah-setengah ketua dan pemimpin-pemimpin kerana maslahat diri.

Negara-negara Islam – setelah kebanyakan penduduknya membelakangkan ajaran kitab Allah dan sunah Rasulullah, telah menjadi ibarat mangsa tumbang dan telah dilapah-lapah oleh penjajah-penjajah, lepas sebuah, sebuah pula.

keras membina dan membangun dalam segala lapangan hidup,

untuk menegakkan sebuah masyarakat yang berbahagia dan limpah makmur, dan membentuk suatu umat yang beriman dan beramal. Suatu umat yang kuat dan berilmu.

Suatu umat yang layak mewarisi bumi Allah yang telah dijanjikan oleh Allah ‘Azza wa Jalla. Suatu umat yang layak menjadi contoh yang baik bagi umat manusia seluruhnya.

### **Umat Islam telah bangun kembali**

Umat Islam telah bangun hari ini setelah sekian lama ditindas oleh penjajah dengan kejam. Negara-negara Islam yang telah berjaya memecahkan belenggu penjajah makin bertambah bilangannya di merata-rata dunia. Tiap-tiap satunya sedang bekerja

Inilah dia rahmat yang telah dibawa oleh junjungan

kita Muhammad Rasulullah *sallā Allāh ‘alayhi wa ‘alīhi wa sallām*, dan kerana inilah umat Islam diseluruh dunia hari ini merayakan hari keputeraan – Hari “mauludnya”, *‘alayhi al-ṣalātu wa al-sallām*.



Suatu pemandangan di bandar Jeddah. Bandar pelabuhan ini menjadi tumpuan orang-orang ada tiap-tiap tahun.